

Pensyarah UMS hasilkan inovasi ASK 4K mudahkan sistem PdP

Oleh Siti Aisyah Narudin

UB 20.08.2021 P.02

KOTA KINABALU:

Cabaran yang dihadapi golongan pendidik sepanjang pandemik COVID-19 menyebabkan ramai dalam kalangan mereka mencari inisiatif baharu khususnya dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pensyarah Program Pemasaran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Haslinda Hasan antara golongan pendidik yang berjaya mencipta projek inovasi 'ASK 4K-Services Marketing' bagi merapatkan jurang komunikasi PdP bersama pelajarinya.

Katanya, idea berkenaan



HASLINDA

tercetus atas kepercayaan kreativiti kaedah pembelajaran mesti dimulakan dengan penciptaan suasana yang menyenangkan.

"Ia melibatkan potensi

pelajar dan persekitaran serta strategi fasilitasi yang seiring dengan objektif pembelajaran.

"Saya namakan projek ini sebagai 'ASK 4K-Services Marketing' berdasarkan Model ASK-Attitudes (Sikap), Skills (Kemahiran) dan Knowledge (Pengetahuan).

"4K pula merujuk kepada Komunikasi, Kolaboratif, Kritis, Kreatif, manakala 'Services Marketing' (Pemasaran Perkhidmatan) ialah nama kursus yang saya kendalikan," katanya di sini.

Menurutnya, PdP itu mengaplikasikan Nerstrom Transformative Learning Model oleh Norma Nerstrom (2014), iaitu model baharu yang diperkenalkan berdasarkan teori asal oleh

Jack Mezirow.

"PdP kursus ini agak unik kerana dilaksanakan secara hibrid. Sebelum PKP, saya mengajar bersemuka di dewan kuliah. Selepas PKP diumumkan saya dan pelajar masih cuba menyesuaikan diri bagi sesi pembelajaran atas talian.

"Selain jumlah pelajar yang ramai mengakibatkan terdapat jurang komunikasi, wujud kekangan dalam menyelesaikan penilaian kursus berbentuk tugas berkumpulan kerana pelajar tidak dapat bersemuka seperti kebiasaan.

"Namun, pendekatan melalui inovasi PdP ASK 4K ini mempermudah semua. Pembelajaran yang dibuat secara segerak dan tidak segerak melalui plat-

form Zoom, Webex, Google Meets, Smartv3UMS dan aplikasi WhatsApps serta Telegram," jelasnya.

Beliau berkata, melalui pendekatan berkenaan, para pelajar dikehendaki menghasilkan video secara berkumpulan dan memperlihatkan pencapaian kognitif dari segi pengetahuan, kefahaman, penerapan, analisis dan penilaian terhadap kursus yang diajar.

Selain itu katanya, PdP turut memberikan banyak kesan positif dalam prestasi keseluruhan pengajaran kursus berkenaan.

Menurutnya, para pelajar turut merasai pengalaman yang seronok ketika menyiapkan tugas yang mencabar. Walaupun semua dibuat secara atas talian,

mereka dapat menghasilkan kreativiti dalam menyelesaikan tugas dengan baik.

Katanya, projek inovasi PdP ASK 4K turut berjaya memenangi emas dalam Pertandingan Virtual Inovasi Pengajaran & Pembelajaran 2021 anjuran Malaysia Association of Research and Education for Educators (MAS-REE) dan Majlis Pengetua Sekolah Menengah (MPSM) Daerah Hulu Langat Peringkat Kebangsaan.

Inovasi berkenaan turut meraih pingat gangsa sempena 'National Innovation and Invention Competition Through Exhibition' (iCompEx) 2021 anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Jitra Kedah baru-baru ini.